

# UMS bincang jana hasil IPTA

DE 31.7.13 7

**Tracy Patrick**

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan satu perbincangan tentang Menjana Hasil Institusi Pengajian Tinggi Awam dengan Prof Nor Azazi Zakaria dari Universiti Sains Malaysia (USM) di kampus UMS di sini, Isnin lepas. Perbincangan itu, termasuk satu sesi soal jawab dan ceramah oleh Azazi, diadakan untuk menyahut gesaan yang dibuat oleh Menteri Pelajaran Tan Sri Muhyiddin Yassin yang awal bulan ini menggesa kelestarian kewangan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

"Kerajaan menggalakkan setiap universiti berbelanja mengikut rancangannya dan tidak mahu institusi berbelanja lebih daripada apa yang sudah diperuntukkan kepada mereka.

"Ini kerana sumber kewangan kerajaan semakin terhad dan perbelanjaan untuk setiap universiti meningkat setiap tahun," kata Timbalan Canselor UMS Datuk Mohd Harun Abdullah dalam ucapan alu-aluannya.

Harun berharap semua jabatan di universiti itu akan menggunakan pengetahuan yang diperolehi semasa perbincangan tersebut untuk memikirkan rancangan bagi menjana pendapatan supaya setiap jabatan akan mencapai pendapatan 30 peratus untuk menampung universiti menjelang 2020.

"Penjanaan pendapatan adalah agenda penting semasa tempoh jawatan saya dan saya ingin melihat Dasar Penjanaan Pendapatan universiti terus berkembang dan diperhalusi agar setiap jabatan dapat memainkan peranan penting dalam menjana pendapatan melalui peraturan dan garis panduan sedia ada.

"Saya juga ingin melihat setiap jabatan mempunyai tabungnya sendiri khas untuk menjana pendapatan agar ia dapat diurus oleh mereka sendiri serta dikawal selia oleh Jabatan Perbendaharaan.

"Kita perlu bertindak kerana garis panduan memang ada dan saya mahu mengelak perkara seperti 'cakap tidak serupa bikin,'" katanya.

Harun mengulangi bahawa penjanaan pendapatan bukan sekadar mendapatkan wang tetapi juga menyimpannya.

"Menyimpan wang boleh menjimatkan berjuta-juta ringgit bagi universiti dan boleh digunakan untuk perkara lebih penting," katanya, menambah setiap jabatan harus mempertimbangkan semua keputusan yang melibatkan wang sebelum melaksanakannya.

Azzi yang diterbangkan khas dari USM, berkongsi pengalaman dan pengetahuannya tentang bagaimana universiti menjana pendapatan tanpa atau dengan sedikit sumber sahaja.